



JURNAL LINGUISTIK Vol. 30 (1) Mei 2026 (001-020)

Penguasaan dan Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Masyarakat Melanau Balingian di Mukah, Sarawak: Satu Kajian Awal

*¹Noor Saadah Salleh, ²Adib Zakwan Al-Qayyum Shabuddin, ³Zuraidah Jantan,
⁴Nurul Afnieza Md Zain, ⁵Sanrol Abdullah & ⁶Nur Faaizah Md Adam

[¹saadahsalleh@uitm.edu.my](mailto:saadahsalleh@uitm.edu.my), [²adibzakwanalqayyum@uitm.edu.my](mailto:adibzakwanalqayyum@uitm.edu.my), [³zuraidah0420@uitm.edu.my](mailto:zuraidah0420@uitm.edu.my),
[⁴afnieza8728@uitm.edu.my](mailto:afnieza8728@uitm.edu.my), [⁵asantrol@unimas.my](mailto:asantrol@unimas.my), [⁶nurfaaizah@fbk.upsi.edu.my](mailto:nurfaaizah@fbk.upsi.edu.my)

¹²³⁴ *Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam;*

⁵ *Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, UNIMAS;*

⁶ *Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI.*

Tarikh terima : 29 September 2025

Received

Terima untuk diterbitkan : 12 Disember 2025

Accepted

Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2026

Published online

Abstrak

Kajian ini bertujuan meneliti corak pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Melanau Balingian di Mukah, Sarawak. Peralihan bahasa dalam komuniti minoriti dilihat semakin ketara akibat daripada pengaruh pendidikan, agama, dan interaksi sosial. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti kedudukan dialek Melanau Balingian (DMB) berbanding dialek Melanau Mukah (DMM), bahasa Melayu (BM), dan dialek Melayu Sarawak (DMS) dalam pelbagai domain kehidupan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif yang melibatkan kaedah soal selidik dan tinjauan lapangan berasaskan konsep domain penggunaan bahasa oleh Fishman (1972). Seramai 48 penutur natif Melanau Balingian terlibat sebagai responden melalui pensampelan rawak mudah. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan kekerapan dan peratusan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa BM dominan dalam domain pendidikan dan agama, manakala DMM lebih dominan dalam domain kekeluargaan dan kejiranan. Sebaliknya, DMB semakin berkurangan penggunaannya dan lebih banyak digunakan dalam interaksi dengan generasi tua serta dalam konteks tradisi seperti majlis kematian. DMS pula digunakan sebagai bahasa penghubung antara etnik, khususnya dalam interaksi sosial. Selain itu, fenomena percampuran kod didapati berlaku dengan kadar yang tinggi, terutama dalam domain sosial dan keagamaan, yang mana telah memperlihatkan multilingualisme aktif dalam kalangan komuniti ini. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa kedudukan DMB berada dalam keadaan terancam dan terpinggir kerana lebih didominasi oleh DMM dan BM. Implikasinya, pemeliharaan DMB memerlukan usaha yang lebih serius melalui pendidikan, dokumentasi, dan pengukuhan fungsi dalam konteks budaya agar identiti linguistik masyarakat Melanau Balingian tidak hilang ditelan arus peralihan bahasa.

Kata Kunci: Pemilihan bahasa, kontak bahasa, bahasa Melanau Balingian, domain Fishman, Sarawak

Language Mastery and Choice among the Melanau Balingian community in Mukah, Sarawak: A Preliminary Study.

Abstract

This study investigates patterns of language choice among the Melanau Balingian community in Mukah, Sarawak. Language shift within minority groups has become increasingly evident due to the influence of education, religion, and social interaction. Adopting a descriptive quantitative approach, the study employed questionnaires and field

observations grounded in Fishman's (1972) domain of language use. A total of 48 native Melanau Balingian speakers were selected through simple random sampling. The findings indicate that Malay (BM) dominates the domains of education and religion, while the Melanau Mukah dialect (DMM) is prevalent in family and neighborhood interactions. In contrast, the Melanau Balingian dialect (DMB) is in decline, largely restricted to communication with the older generation and traditional practices such as funeral ceremonies. The Sarawak Malay dialect (DMS) functions primarily as an interethnic lingua franca in social settings. High levels of code-switching, particularly in social and religious domains, further highlight active multilingualism within the community. Overall, the results suggest that DMB is endangered and marginalized, overshadowed by both DMM and BM. Preservation of DMB therefore requires greater efforts through education, documentation, and cultural reinforcement to safeguard the linguistic identity of the Melanau Balingian community.

Keywords: language choice, language contact, Melanau Balingian dialect, Fishman's domain, Sarawak

1. Pengenalan

Masyarakat Melanau merupakan salah satu etnik yang terdapat di negeri Sarawak. Dari segi demografi, etnik ini tergolong sebagai kaum minoriti dengan jumlah sekitar 4.9 peratus daripada keseluruhan penduduk negeri (Department of Statistics Malaysia, 2021). Data terkini turut menunjukkan bahawa etnik Melanau membentuk 12.8 peratus daripada keseluruhan Bumiputera Sarawak (Department of Statistics Malaysia, 2024). Dari sudut sejarah pula, kaum Melanau dipercayai berkongsi akar dan asal usul yang sama dengan kaum peribumi lain di kawasan hulu Sungai Rejang (Jeniri Amir, 2015).

Dari segi linguistik, bahasa Melanau tergolong dalam rumpun bahasa Austronesia. Bahasa ini tidak mempunyai satu dialek standard, sebaliknya wujud dalam pelbagai variasi yang ditentukan oleh kawasan penuturnya. Antara variasi dialek Melanau termasuklah Melanau Mukah, Melanau Dalat, Melanau Oya, Melanau Igan, Melanau Matu-Daro, Melanau Belawai-Rajang, Melanau Ba'ie (Bintulu), Melanau Miri, serta Melanau Balingian. Kepelbagaian dialek ini bukan sahaja mencerminkan kepelbagaian budaya dan sejarah masyarakat Melanau, malah menggambarkan kepelbagaian linguistik yang unik dalam kalangan etnik minoriti di Sarawak.

Masyarakat Melanau Balingian di Mukah, Sarawak merupakan salah satu kelompok yang masih mengekalkan bahasa ibunda sebagai medium utama komunikasi harian. Walau bagaimanapun, interaksi dengan komuniti lain seperti Melayu, Iban, dan Cina telah menimbulkan cabaran terhadap kelangsungan penggunaan bahasa Melanau Balingian. Kepelbagaian etnik dan interaksi antara komuniti sering mewujudkan situasi kontak bahasa yang akhirnya mencorakkan fenomena pemilihan bahasa.

Fenomena pemilihan bahasa berkait rapat dengan bidang sosiolinguistik kerana melibatkan faktor sosial, identiti, fungsi bahasa, serta kedudukan bahasa dalam masyarakat. Menurut Holmes, J (2013), pemilihan bahasa tidak berlaku secara rawak, sebaliknya dipengaruhi oleh faktor seperti status, solidariti, keintiman, dan formaliti situasi. Fenomena pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat ini wajar diteliti kerana bukan sahaja menggambarkan corak komunikasi seharian, malah mencerminkan daya tahan bahasa etnik minoriti dalam menghadapi dominasi bahasa yang lebih berprestij seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Justeru, kajian mengenai pemilihan bahasa masyarakat Melanau Balingian amat penting untuk memahami pola penggunaan bahasa dalam pelbagai domain komunikasi, di samping menilai implikasinya terhadap kelestarian bahasa etnik minoriti di Sarawak.

1.1 Objektif Kajian

- a) Mengenal pasti bahasa yang dikuasai oleh masyarakat Melanau Balingian di Mukah Sarawak.
- b) Menganalisis pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Melanau Balingian di Mukah Sarawak berdasarkan domain Fishman (1972).

1.2 Persoalan Kajian

- a) Apakah bahasa-bahasa yang dikuasai oleh masyarakat Melanau Balingian di Mukah, Sarawak?
- b) Apakah bahasa yang digunakan oleh masyarakat Melanau Balingian dalam domain kekeluargaan, domain keejiran, domain pendidikan dan domain keagamaan?

1.3 Pernyataan Masalah

Bahasa bukan sahaja berperanan sebagai medium komunikasi, malah turut menjadi simbol identiti, budaya, dan jati diri sesebuah masyarakat. Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, kepelbagaian etnik dan bahasa mewujudkan situasi kontak bahasa, iaitu keadaan apabila dua atau lebih bahasa digunakan secara bersama dalam interaksi harian. Situasi ini mendorong kepada fenomena pemilihan bahasa, iaitu kecenderungan penutur memilih bahasa tertentu berdasarkan faktor domain, hubungan sosial, serta kedudukan prestij sesuatu bahasa. Menurut Dilah Tuah et al. (2021), pemilihan bahasa bukan sahaja dipengaruhi oleh keperluan komunikasi, tetapi juga oleh unsur sosiobudaya yang mencerminkan identiti penutur. Fenomena ini menjadi lebih signifikan dalam kalangan masyarakat minoriti kerana pemilihan bahasa mereka sering berdepan cabaran daripada dominasi bahasa utama seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Sebagai kaum minoriti, kaum Melanau Balingian boleh bertutur lebih daripada satu bahasa dan dialek. Antara bahasa dan dialek yang boleh dituturkan adalah seperti, dialek Melanau Balingian, dialek Melanau Mukah, bahasa Iban dan bahasa Melayu. Penguasaan lebih daripada satu bahasa ini telah mewujudkan pemilihan penggunaan bahasa dalam kalangan Masyarakat Melanau Balingian. Menurut Dilah Tuah et al. (2021), pertembungan dua atau lebih bahasa dalam komunikasi harian akan mewujudkan fenomena pemilihan bahasa. Fenomena ini seterusnya akan mewujudkan persaingan bahasa yang mungkin menyebabkan berlakunya gejala pemilihan bahasa terhadap bahasa yang lebih berprestij. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Melanau Balingian di Mukah, Sarawak.

2. Sorotan Kajian

Beberapa kajian telah dilakukan bagi meneliti fenomena pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Melanau di Sarawak. Kajian yang dilaksanakan oleh Nurul Syahirah Batjo & Mohammed Azlan Mis (2022) misalnya, telah meneliti pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Melanau Mukah. Kajian ini menggunakan soal selidik berasaskan Teori Domain Fishman (1972) untuk menganalisis pilihan bahasa responden dalam komunikasi harian. Dapatan menunjukkan bahawa masyarakat Melanau Mukah lebih dominan menggunakan bahasa Melanau Mukah dan dialek Melayu Sarawak. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak meneliti variasi dialek lain dalam komuniti Melanau, sedangkan etnik ini mempunyai kepelbagaian dialek termasuk Balingian, Oya, Dalat dan Igan. Justeru, wujud jurang kajian kerana belum ada penyelidikan yang menfokuskan kepada bahasa Melanau Balingian secara khusus.

Kajian terhadap masyarakat Melanau Balingian yang dilakukan oleh Norfazila Ab. Hamid et al. (2023) telah meneliti varian Melanau Balingian (VM BLGN) dari aspek fonologi menggunakan pendekatan struktural. Kajian tersebut mendapati bahawa VM BLGN mempunyai enam vokal utama (i, u, e, o, ə, a), lima diftong (-oj, -aw, -aj, -ej, -ow), serta wujud variasi vokal rangkap dan pemanjangan vokal dalam suku kata terbuka. Penyelidikan ini menyumbang kepada dokumentasi linguistik deskriptif, namun tidak menekankan dimensi penggunaan bahasa dalam konteks sosial masyarakat.

Selain masyarakat Melanau, terdapat juga kajian mengenai pemilihan bahasa dalam kalangan etnik minoriti lain di Sarawak. Sebagai contoh, Dilah Tuah et al. (2021) meneliti pemilihan bahasa dalam kalangan etnik Kedayan di Bekenu, Sarawak. Kajian ini menggunakan kerangka Domain Fishman (1972) meliputi lima domain: keluarga, persahabatan, agama, pendidikan, dan pekerjaan. Melalui kaedah soal selidik, temu bual, dan pemerhatian, kajian mendapati bahawa bahasa Kedayan masih berdaya tahan walaupun berdepan persaingan daripada dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban. Kajian ini memperlihatkan bahawa bahasa minoriti masih bertahan dalam konteks tertentu, namun masih terdedah kepada risiko keterancaman akibat dominasi bahasa majoriti. Fenomena ini turut relevan untuk difahami dalam konteks bahasa Melanau Balingian.

Kajian oleh Chong Shin et al. (2018) mengenai masyarakat Penan Muslim di Sarawak menunjukkan bahawa mereka memilih bahasa Bintulu sebagai lambang identiti agama Islam, namun masih menggunakan bahasa Iban dalam hal interaksi interetnik dan intraetnik secara bersilih

ganti dengan bahasa Penan. Kajian ini juga mengubah persepsi umum bahawa “memeluk agama Islam sinonim dengan memilih bahasa Melayu”. Dalam kes Penan Muslim, mereka sebaliknya memilih “bahasa Muslim” lain dan bukannya bahasa Melayu.

Fenomena pemilihan bahasa juga dikaji dalam kalangan masyarakat minoriti di Sabah. Kajian oleh Saidatul Nornis Hj. Mahali et al. (2022) telah meneliti pemilihan bahasa generasi muda Murut di Keningau, Sabah berdasarkan kerangka domain Fishman (1972). Seramai 37 pelajar sekolah menengah terlibat sebagai responden melalui soal selidik. Dapatan menunjukkan bahawa bahasa Murut dan dialek Melayu Sabah digunakan dalam domain keluarga, manakala dialek Melayu Sabah lebih dominan dalam domain persahabatan dan pendidikan. Walaupun berlaku peralihan bahasa ke arah penggunaan dialek Melayu Sabah, sikap positif generasi muda terhadap bahasa ibunda menunjukkan bahawa daya tahan bahasa Murut masih berada pada tahap selamat.

Kajian oleh Berawati Renddan et al. (2020) meneliti Domain dan Bahasa Pilihan Tiga Generasi Etnik Bajau Sama di Kota Belud. Kajian ini menggunakan Teori Domain Fishman (1972) untuk menilai pemilihan bahasa antara tiga generasi. Dapatan menunjukkan generasi pertama dan kedua masih menggunakan bahasa Bajau Sama dalam domain kekeluargaan, manakala generasi ketiga lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu walaupun dalam domain tidak formal. Hal ini menunjukkan wujudnya peralihan bahasa antara generasi yang membawa implikasi kepada daya hidup bahasa Bajau Sama. Situasi ini sejajar dengan cabaran yang dihadapi oleh bahasa minoriti lain di Malaysia, termasuk bahasa Melanau Balingian.

Sorotan kajian terdahulu memperlihatkan bahawa bahasa etnik minoriti di Malaysia, termasuk bahasa Melanau, berdepan cabaran besar dalam mengekalkan fungsinya. Walaupun terdapat kajian yang meneliti masyarakat Melanau Mukah, anak kacukan Melanau-Iban, serta varian Melanau Igan, namun kajian khusus mengenai bahasa Melanau Balingian masih terhad. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang tersebut dengan meneliti corak pemilihan bahasa masyarakat Melanau Balingian di Mukah, Sarawak berdasarkan kerangka Domain Fishman (1972).

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif dengan mengaplikasikan kaedah soal selidik dan kajian lapangan. Pendekatan ini membolehkan pengkaji memperoleh data yang sistematik, terukur, serta mampu menggambarkan pola pemilihan bahasa secara lebih menyeluruh dalam kalangan responden (Creswell, 2014; Neuman, 2014).

Sampel kajian terdiri daripada penutur natif Melanau Balingian yang dipilih melalui kaedah pensampelan rawak mudah, bagi memastikan kebarangkalian yang sama untuk setiap ahli populasi dipilih sebagai responden. Instrumen soal selidik dibina berasaskan konsep domain penggunaan bahasa oleh Fishman (1972), yang menekankan hubungan antara bahasa dan konteks sosial. Justeru, soal selidik ini merangkumi empat domain utama, iaitu kekeluargaan, kejuruan, pendidikan, dan keagamaan. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif, khususnya melalui pengiraan frekuensi dan peratusan, bagi mengenal pasti corak pemilihan bahasa masyarakat Melanau Balingian di Mukah.

Pada peringkat awal pengumpulan data, seramai 53 responden dikenal pasti. Namun, selepas proses penapisan, lima orang dikecualikan kerana tidak menepati kategori keturunan kekeluargaan yang ditetapkan. Oleh itu, jumlah akhir responden yang terlibat dalam kajian ini ialah 48 orang penutur natif Melanau Balingian di Mukah, Sarawak.

Saiz sampel ini dianggap mencukupi kerana kajian ini berbentuk deskriptif yang bertujuan mengenal pasti pola pemilihan bahasa, bukannya membuat generalisasi inferens statistik. Menurut Creswell (2014) dan Neuman (2014), sampel antara 30 hingga 50 responden sudah memadai bagi kajian komuniti kecil kerana mampu memberikan gambaran yang representatif terhadap variasi tingkah laku bahasa dalam populasi terhad.

Kajian ini berlandaskan Teori Domain yang diperkenalkan oleh Fishman (1972), iaitu salah satu kerangka teori utama dalam bidang sosiolinguistik yang meneliti fenomena pemilihan bahasa. Menurut Fishman, pemilihan bahasa tidak berlaku secara rawak, sebaliknya bergantung kepada domain komunikasi yang merujuk kepada gabungan peserta (siapa yang terlibat), lokasi (di mana interaksi

berlaku), dan topik (perkara yang dibicarakan). Setiap domain komunikasi mempunyai kecenderungan bahasa tertentu, yang menggambarkan norma sosial dan fungsi bahasa dalam masyarakat.

Dalam kajian ini, empat domain utama dipilih berdasarkan kerangka Teori Domain Fishman (1972), iaitu domain kekeluargaan, domain kejiwaan, domain pendidikan, dan domain keagamaan. Pemilihan ini dibuat kerana keempat-empat domain tersebut dianggap mewakili ruang komunikasi paling signifikan dalam kehidupan harian masyarakat Melanau Balingian. Melalui kerangka ini, pemilihan bahasa responden dapat dikenal pasti dengan lebih sistematik, selain membolehkan pengkaji menilai tahap kelangsungan atau pergeseran bahasa etnik dalam komuniti minoriti ini.

4. Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini akan membincangkan berkaitan analisis tahap penguasaan dan pemilihan bahasa dalam kalangan Masyarakat Melanau Balingian berdasarkan domain yang telah dipilih, iaitu domain kekeluargaan, domain kejiwaan, domain Pendidikan dan domain keagamaan.

Tahap Penguasaan Bahasa Masyarakat Melanau Balingian

Jadual 1

Tahap Penguasaan Bahasa Responden

Tahap Fasih	Melanau Balingian	Melanau Mukah	Dialek Sarawak	Melayu Bahasa Melayu (BM)	Bahasa Inggeris
Tidak fasih	3 (6.3%)	1 (2.1%)	3 (6.3%)	2 (4.2%)	-
Sedikit fasih	2 (4.2%)	-	-	-	7 (14.6%)
Sederhana fasih	10 (20.8%)	3 (6.3%)	6 (12.5%)	2 (4.2%)	17 (35.4%)
Fasih	15 (31.3%)	11 (22.9%)	17 (35.4%)	9 (18.8%)	20 (41.7%)
Sangat fasih	18 (37.5%)	33 (68.8%)	22 (45.8%)	35 (72.9%)	4 (8.3%)
Jumlah	48 (100%)	48 (100%)	48 (100%)	48 (100%)	48 (100%)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden memiliki tahap penguasaan yang berbeza terhadap lima bahasa utama, iaitu dialek Melanau Balingian, dialek Melanau Mukah, dialek Melayu Sarawak, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Hasil analisis mendapati bahasa Melayu merupakan bahasa yang paling dominan, dengan 72.9 peratus responden sangat fasih, diikuti oleh dialek Melanau Mukah (68.8% sangat fasih) dan dialek Melayu Sarawak (45.8% sangat fasih). Walaupun dialek Melanau Balingian yang menjadi bahasa ibunda, hanya mendapat 37.5 peratus responden yang sangat fasih, manakala bahasa Inggeris didapati masih sederhana (41.7% fasih, 8.3% sangat fasih).

Tahap penguasaan ini memperlihatkan wujudnya peralihan bahasa dalam kalangan masyarakat Melanau Balingian, khususnya apabila bahasa ibunda berada pada kedudukan yang semakin terpinggir khususnya dalam kategori “sangat fasih”, iaitu kedudukan keempat rendah diikuti paling rendah bahasa Inggeris. Menurut Fishman (1991), apabila generasi muda semakin kurang fasih dalam bahasa etnik, hal ini menandakan wujudnya ancaman terhadap kelangsungan bahasa tersebut. Dalam konteks Malaysia, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi (Gill, 2014) turut memperkukuhkan pemilihan penggunaannya berbanding bahasa etnik minoriti secara tidak langsung mengukuhkan kedudukannya sebagai “bahasa prestij” di Malaysia.

Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Melanau Balingian sedang berada dalam kedudukan yang rapuh. Jika tidak ada usaha pemuliharaan bahasa ibunda seperti pendokumentasian bahasa Melanau Balingian, pendidikan bahasa ibunda, atau inisiatif komuniti dalam pemeliharaan bahasa ibunda untuk menggalakkan penggunaannya dalam pelbagai domain, fenomena peralihan bahasa dijangka akan terus berlaku, dan akhirnya boleh mengancam kelangsungan bahasa Melanau Balingian sebagai salah satu warisan linguistik Sarawak.

Pemilihan Bahasa Berdasarkan Domain

Domain Kekeluargaan

Jadual 2

Bahasa yang digunakan ketika bercakap dengan ibu bapa

Pilihan bahasa	Bilangan	Peratusan (%)
Dialek Melanau Balingian	14	29.2
Dialek Melanau Mukah	25	52.1
Bahasa Melayu	1	2.1
DMB + DMM + DMS	1	2.1
DMB + DMM	6	12.5
DMB + DMS	1	2.1
Jumlah	48	100.0

Nota. DMB = Dialek Melanau Balingian; DMM = Dialek Melanau Mukah; DMS = Dialek Melayu Sarawak.

Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden memilih dialek Melanau Mukah (DMM) sebagai bahasa utama ketika berkomunikasi dengan ibu bapa, iaitu seramai 25 orang (52.1%). Hal ini membuktikan bahawa walaupun responden berasal daripada komuniti Melanau Balingian, penggunaan DMM lebih dominan berbanding dialek Melanau Balingian (DMB). Sebanyak 14 responden (29.2%) masih menggunakan DMB dalam perbualan dengan ibu bapa, namun jumlahnya lebih kecil berbanding DMM. Situasi ini memperlihatkan bahawa DMB berada dalam kedudukan yang semakin lemah dalam domain keluarga.

Selain itu, seramai 6 responden (12.5%) menggunakan gabungan DMB + DMM, manakala 1 orang (2.1%) menggunakan gabungan DMB + DMM + Dialek Melayu Sarawak (DMS) dan 1 orang (2.1%) lagi menggunakan DMB + DMS. Kewujudan percampuran ini menunjukkan bahawa terdapat fenomena percampuran kod (code-mixing) dalam interaksi keluarga, khususnya apabila anak-anak menguasai lebih daripada satu dialek dan menggunakannya secara berganti mengikut kesesuaian situasi. Hanya seorang responden (2.1%) menggunakan bahasa Melayu (BM) ketika bercakap dengan ibu bapa. Hal ini jelas menunjukkan bahawa BM tidak menjadi bahasa utama dalam domain keluarga kerana penggunaannya lebih tertumpu kepada domain rasmi seperti pendidikan, pentadbiran, dan agama.

Jadual 3

Bahasa yang digunakan ketika bercakap dengan datuk nenek

Pilihan Bahasa	Bilangan	Peratus (%)
Dialek Melanau Balingian (DMB)	16	33.3
DMB + Dialek Melanau Mukah (DMM)	7	14.6
Dialek Melanau Mukah (DMM)	25	52.1
Jumlah	48	100.0

Berdasarkan Jadual 3, didapati bahawa bahasa utama yang digunakan oleh responden ketika bercakap dengan datuk nenek ialah dialek Melanau Mukah (DMM), iaitu seramai 25 responden (52.1%). Hal ini menunjukkan bahawa DMM lebih dominan dalam interaksi intergenerasi, walaupun responden ini berasal daripada komuniti Melanau Balingian. Dapatan ini memperlihatkan bahawa DMM bukan sahaja digunakan dalam domain umum, tetapi juga menembusi ruang keluarga, termasuk hubungan cucu dengan datuk nenek.

Seramai 16 responden (33.3%) masih menggunakan dialek Melanau Balingian (DMB) ketika berinteraksi dengan datuk nenek. Peratusan ini lebih tinggi berbanding penggunaan DMB dengan ibu bapa (29.2% dalam Jadual 2). Hal ini menandakan bahawa generasi lebih tua cenderung mengekalkan penggunaan DMB, dan cucu menyesuaikan diri dengan menggunakan dialek tersebut ketika bercakap dengan datuk nenek. Keadaan ini memberikan gambaran bahawa DMB masih berfungsi dalam kalangan generasi lama, walaupun semakin terpinggir dalam kalangan generasi pertengahan dan muda.

Selain itu, terdapat 7 responden (14.6%) yang menggunakan gabungan DMB dan DMM dalam perbualan bersama datuk nenek. Keadaan ini jelas menggambarkan fenomena campuran kod (code-mixing) dalam komunikasi kekeluargaan. Fenomena ini berlaku apabila penutur menyesuaikan penggunaan bahasa mengikut situasi, contohnya menggunakan DMB untuk menghormati datuk nenek tetapi turut menyelitkan DMM yang lebih biasa digunakan dalam kehidupan seharian mereka.

Jadual 4

Bahasa yang digunakan ketika bercakap dengan adik-beradik

Pilihan Bahasa	Bilangan	Peratus (%)
Dialek Melanau Balingian (DMB)	15	31.3
Dialek Melanau Mukah (DMM)	25	52.1
Bahasa Melayu (BM)	1	2.1
DMB + DMM	6	12.5
DMB + DMM + Dialek Melayu Sarawak (DMS)	1	2.1
Jumlah	48	100.

Jadual 4 menunjukkan bahawa dialek Melanau Mukah (DMM) merupakan bahasa yang paling dominan ketika responden bercakap dengan adik-beradik, iaitu seramai 25 orang (52.1%). Hal ini menunjukkan bahawa DMM lebih banyak digunakan dalam kalangan generasi muda dan remaja, termasuk dalam interaksi harian bersama dengan adik-beradik. Penggunaan DMM yang tinggi ini menandakan bahawa dialek tersebut telah menjadi bahasa perhubungan utama dalam kalangan keluarga generasi baharu.

Walaupun demikian, 15 responden (31.3%) masih menggunakan dialek Melanau Balingian (DMB) dalam komunikasi sesama adik-beradik. Angka ini memperlihatkan bahawa DMB masih wujud dalam interaksi keluarga, tetapi tidak lagi mendominasi. Kedudukan DMB semakin terpinggir apabila dibandingkan dengan DMM, sekali gus mencerminkan bahawa peralihan bahasa sedang berlaku secara ketara dalam konteks komunikasi generasi muda.

Selain itu, terdapat 6 responden (12.5%) yang menggunakan gabungan DMB dan DMM ketika bercakap dengan adik-beradik. Fenomena ini menunjukkan adanya campuran kod (code-mixing) dalam komunikasi harian, di mana responden menggabungkan dua dialek Melanau dalam satu konteks perbualan. Hal ini mungkin berlaku kerana faktor kebiasaan, tahap kefasihan, atau usaha untuk menyesuaikan diri dengan pola bahasa adik-beradik.

Menariknya, hanya seorang responden (2.1%) menggunakan Bahasa Melayu (BM), dan seorang lagi (2.1%) menggunakan gabungan DMB, DMM, dan Dialek Melayu Sarawak (DMS). Peratusan yang sangat kecil ini menunjukkan bahawa BM bukanlah bahasa utama dalam komunikasi sesama adik-beradik.

Jadual 5

Bahasa yang digunakan ketika bercakap dengan saudara-mara dekat

Pilihan Bahasa	Bilangan	Peratus (%)
Dialek Melanau Balingian (DMB)	14	29.2
Dialek Melanau Mukah (DMM)	13	27.1
DMB + Dialek Melanau Mukah (DMM)	13	27.1
DMB + DMM + Dialek Melayu Sarawak (DMS)	8	16.7
Jumlah	48	100.0

Berdasarkan Jadual 5, dapatan menunjukkan bahawa penggunaan bahasa ketika bercakap dengan saudara-mara dekat agak seimbang antara beberapa pilihan bahasa, dan tanpa satu dominasi yang mutlak. Seramai 14 responden (29.2%) menggunakan dialek Melanau Balingian (DMB), manakala 13 responden (27.1%) memilih untuk menggunakan dialek Melanau Mukah (DMM). Angka

ini memperlihatkan bahawa kedua-dua dialek Melanau masih relevan dalam konteks komunikasi bersama saudara-mara dekat.

Selain itu, 13 responden (27.1%) juga melaporkan penggunaan gabungan DMB + DMM, yang menandakan berlakunya campuran kod (code-mixing) yang kuat dalam domain kekeluargaan yang lebih luas. Fenomena ini menggambarkan bahawa penutur tidak terikat dengan satu dialek sahaja, sebaliknya mereka bersifat fleksibel dalam menyesuaikan diri dengan bahasa yang digunakan oleh ahli keluarga terdekat.

Terdapat 8 responden (16.7%) yang menggunakan gabungan tiga bahasa (DMB + DMM + DMS) ketika bercakap dengan saudara-mara dekat. Hal ini menunjukkan bahawa selain DMB dan DMM, Dialek Melayu Sarawak (DMS) juga memainkan peranan dalam komunikasi, meskipun peratusannya tidak terlalu besar. Ini mungkin berlaku dalam situasi apabila saudara-mara dekat memiliki latar bahasa yang berbeza atau akibat daripada interaksi silang budaya dalam komuniti.

Jadual 6

Bahasa yang digunakan ketika bercakap dengan saudara-mara jauh

Pilihan Bahasa	Bilangan	Peratus (%)
Dialek Melanau Balingian (DMB)	6	12.5
Dialek Melanau Mukah (DMM)	15	31.3
Dialek Melayu Sarawak (DMS)	2	4.2
DMB + Dialek Melanau Mukah (DMM)	4	8.3
DMB + Dialek Melayu Sarawak (DMS)	4	8.3
DMB + DMM + DMS	17	35.4
Jumlah	48	100.0

Berdasarkan Jadual 6, dapatan menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan ketika bercakap dengan saudara-mara jauh adalah lebih pelbagai berbanding saudara-mara dekat. Pilihan paling dominan ialah gabungan tiga bahasa (DMB + DMM + DMS), digunakan oleh 17 responden (35.4%). Keadaan ini menggambarkan bahawa fenomena campuran kod (code-mixing) semakin ketara dalam komunikasi dengan saudara-mara jauh, mungkin kerana faktor jarak, perbezaan latar bahasa, serta usaha untuk menyesuaikan diri dalam interaksi yang lebih luas.

Bahasa kedua yang dominan ialah Dialek Melanau Mukah (DMM) dengan 15 orang responden (31.3%), diikuti oleh dialek Melanau Balingian (DMB) dengan 6 responden (12.5%). Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun DMM masih kuat, ia tidak sepenuhnya mengatasi penggunaan gabungan bahasa dalam domain ini. Malah, DMB juga masih kekal digunakan walaupun pada kadar yang rendah.

Selain itu, terdapat 4 responden (8.3%) yang menggunakan gabungan DMB + DMM, dan 4 orang (8.3%) lagi menggunakan gabungan DMB + DMS. Hal ini memperlihatkan bahawa penggunaan bahasa dalam domain saudara-mara jauh lebih bersifat fleksibel dan dinamik, di mana responden bebas mengubah bahasa mengikut kesesuaian situasi dan siapa yang mereka hadapi. Hanya 2 responden (4.2%) menggunakan dialek Melayu Sarawak (DMS) secara tunggal, menandakan ia bukanlah bahasa utama dalam konteks ini tetapi tetap berperanan sebagai sokongan.

Dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa tidak ada satu bahasa tunggal yang benar-benar dominan ketika bercakap dengan saudara-mara jauh. Sebaliknya, wujud kepelbagaian linguistik dengan campuran kod sebagai fenomena paling menonjol. Hal ini memperlihatkan bahawa responden lebih cenderung untuk menggabungkan DMB, DMM, dan DMS dalam interaksi dengan saudara-mara jauh, sekali gus mencerminkan realiti masyarakat Melanau Balingian yang kini semakin multibahasa (multilingual) dalam komunikasi seharian.

Secara keseluruhannya, dapatan bagi domain kekeluargaan telah memberikan gambaran bahawa bahasa etnik masih kukuh digunakan dalam domain keluarga, tetapi cabaran wujud untuk dialek Melanau Balingian kerana ia bersaing rapat dengan Melanau Mukah. Dialek Melanau Mukah semakin berperanan sebagai bahasa utama intraetnik, meskipun responden terdiri daripada komuniti Balingian.

Domain Pendidikan

Jadual 7

Bahasa yang digunakan ketika bercakap dengan rakan sekelas sebangsa

Pilihan Bahasa	Bilangan	Peratus (%)
Dialek Melanau Balingian (DMB)	5	10.4
Dialek Melanau Mukah (DMM)	19	39.6
Bahasa Melayu (BM)	5	10.4
Dialek Melayu Sarawak (DMS)	2	4.2
DMB + DMM	5	10.4
DMB + DMM + DMS	12	25.0
Jumlah	48	100.0

Dalam domain pendidikan, masyarakat Melanau Balingian menunjukkan corak pemilihan bahasa yang berbeza mengikut situasi interaksi. Berdasarkan Jadual 7, dapatan menunjukkan bahawa dialek Melanau Mukah (DMM) merupakan bahasa yang paling banyak digunakan oleh responden ketika bercakap dengan rakan sekelas sebangsa, iaitu seramai 19 orang (39.6%). Hal ini menunjukkan bahawa DMM bukan sahaja mendominasi interaksi dalam keluarga, tetapi juga meluas penggunaannya dalam kalangan rakan sebangsa di sekolah atau institusi pendidikan.

Selain itu, 12 responden (25.0%) melaporkan bahawa mereka menggunakan gabungan tiga bahasa (DMB + DMM + DMS) dalam komunikasi bersama rakan sekelas sebangsa. Fenomena ini memperlihatkan adanya multilingualisme intraetnik, iaitu pelajar secara fleksibel mencampurkan lebih daripada satu dialek atau bahasa tempatan dalam pertuturan mereka. Campuran ini mungkin dipengaruhi oleh faktor kebiasaan, tahap kefasihan, atau usaha untuk menyesuaikan diri dengan gaya komunikasi rakan sebaya.

Penggunaan dialek Melanau Balingian (DMB), bahasa Melayu (BM), dan gabungan DMB + DMM masing-masing direkodkan pada kadar yang sama, iaitu 10.4 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun ketiga-tiganya tidak dominan, ia masih memainkan peranan dalam komunikasi dengan rakan sebangsa. DMB khususnya masih wujud, namun kedudukannya lebih kecil berbanding DMM, sekali gus mengesahkan pola peralihan bahasa (language shift) daripada DMB ke arah DMM.

Sementara itu, hanya 2 responden (4.2%) menggunakan Dialek Melayu Sarawak (DMS). Peratusan yang kecil ini menggambarkan bahawa DMS kurang berperanan dalam interaksi dengan rakan sebangsa Melanau, mungkin kerana ia lebih kerap digunakan dalam konteks interetnik berbanding intraetnik.

Jadual 8

Bahasa yang digunakan ketika bercakap dengan rakan sekelas berlainan bangsa

Pilihan Bahasa	Bilangan	Peratus (%)
Dialek Melanau Balingian (DMB)	1	2.1
Dialek Melanau Mukah (DMM)	3	6.3
Bahasa Melayu (BM)	25	52.1
Dialek Melayu Sarawak (DMS)	12	25.0
DMB + DMM	2	4.2
DMB + DMM + DMS	5	10.4
Jumlah	48	100.0

Berdasarkan Jadual 8, dapatan menunjukkan bahawa bahasa utama yang digunakan ketika responden bercakap dengan rakan sekelas berlainan bangsa ialah bahasa Melayu (BM), iaitu seramai 25 responden (52.1%). Hal ini menegaskan peranan BM sebagai lingua franca dalam konteks interetnik, sejajar dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perhubungan rasmi di Malaysia. Selain BM, dialek Melayu Sarawak (DMS) juga digunakan oleh 12 responden (25.0%). Peratusan ini agak signifikan kerana DMS berfungsi sebagai bahasa tempatan yang lebih inklusif, mudah difahami oleh pelbagai kelompok etnik di Sarawak. Dapatan ini menunjukkan bahawa selain BM, DMS turut memainkan peranan penting sebagai bahasa penghubung dalam komunikasi antara etnik.

Penggunaan dialek Melanau Mukah (DMM) pula direkodkan pada kadar rendah, iaitu 3 responden (6.3%), manakala dialek Melanau Balingian (DMB) hanya digunakan oleh seorang responden (2.1%). Angka ini menunjukkan bahawa kedua-dua dialek Melanau tidak berperanan besar dalam interaksi dengan rakan sekelas lain bangsa, kerana penggunaannya lebih terhad kepada komuniti intraetnik.

Selain itu, terdapat juga 2 responden (4.2%) yang menggunakan gabungan DMB + DMM, dan 5 responden (10.4%) yang menggunakan gabungan DMB + DMM + DMS. Fenomena ini menunjukkan wujudnya campuran kod (code-mixing) dalam interaksi dengan rakan sekelas berlainan bangsa. Walau bagaimanapun, angka ini masih kecil berbanding dominasi BM dan DMS.

Jadual 9

Bahasa yang digunakan ketika bercakap dengan guru sebangsa

Pilihan Bahasa	Bilangan (n)	Peratus (%)
Dialek Melanau Balingian (DMB)	4	8.3
Dialek Melanau Mukah (DMM)	11	22.9
Bahasa Melayu (BM)	15	31.3
Dialek Melayu Sarawak (DMS)	6	12.5
DMB + DMM	4	8.3
DMB + DMM + DMS	8	16.7
Jumlah	48	100.0

Berdasarkan Jadual 9, dapatan menunjukkan bahawa bahasa utama yang digunakan ketika responden bercakap dengan guru sebangsa ialah bahasa Melayu (BM), iaitu seramai 15 responden (31.3%). Hal ini mencerminkan peranan BM sebagai bahasa rasmi pendidikan, yang lebih banyak digunakan dalam interaksi formal di sekolah dan institusi pendidikan.

Walaupun bagaimanapun, dialek Melanau Mukah (DMM) juga masih digunakan oleh 11 responden (22.9%), menandakan bahawa hubungan sebangsa dengan guru memberikan ruang untuk penggunaan dialek tempatan dalam komunikasi. Pada masa yang sama, dialek Melanau Balingian (DMB) hanya digunakan oleh 4 responden (8.3%), iaitu kadar yang jauh lebih rendah berbanding DMM. Hal ini memperlihatkan bahawa kedudukan DMB semakin lemah, malah dalam domain intraetnik sekalipun.

Selain itu, dialek Melayu Sarawak (DMS) digunakan oleh 6 responden (12.5%), menunjukkan bahawa dialek ini turut berfungsi sebagai bahasa alternatif dalam perbualan tidak formal bersama guru sebangsa. Dapatan ini menggambarkan fleksibiliti linguistik pelajar, yang mampu beralih daripada BM kepada dialek tempatan mengikut kesesuaian konteks.

Menariknya, terdapat gabungan kod yang signifikan, iaitu DMB + DMM + DMS digunakan oleh 8 responden (16.7%), manakala DMB + DMM digunakan oleh 4 responden (8.3%). Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian pelajar lebih selesa menggunakan campuran bahasa dalam komunikasi dengan guru sebangsa, mungkin kerana faktor kebiasaan atau identiti budaya bersama.

Jadual 10*Bahasa yang digunakan ketika bercakap dengan guru berlainan bangsa*

Pilihan Bahasa	Bilangan (n)	Peratus (%)
Dialek Melanau Balingian (DMB)	1	2.1
Dialek Melanau Mukah (DMM)	1	2.1
Bahasa Melayu (BM)	34	70.8
Dialek Melayu Sarawak (DMS)	5	10.4
Bahasa Inggeris (BI)	2	4.2
DMB + DMM + DMS	5	10.4
Jumlah	48	100.0

Berdasarkan Jadual 10, dapatan menunjukkan bahawa bahasa utama yang digunakan oleh responden ketika bercakap dengan guru berlainan bangsa ialah bahasa Melayu (BM), iaitu seramai 34 responden (70.8%). Hal ini membuktikan bahawa BM berperanan sebagai bahasa pengantar rasmi dan lingua franca pendidikan, sekali gus menjadi pilihan dominan dalam komunikasi antara etnik dalam konteks sekolah.

Selain BM, dialek Melayu Sarawak (DMS) digunakan oleh 5 responden (10.4%), manakala bahasa Inggeris (BI) pula digunakan oleh 2 responden (4.2%). Kedua-dua bahasa ini memperlihatkan peranan tambahan dalam komunikasi dengan guru berlainan bangsa, di mana DMS berfungsi sebagai dialek tempatan yang mesra interaksi, manakala BI digunakan dalam konteks yang lebih formal atau apabila diperlukan.

Sementara itu, hanya seorang responden (2.1%) menggunakan dialek Melanau Balingian (DMB) dan Dialek Melanau Mukah (DMM). Angka ini sangat kecil dan memperlihatkan bahawa kedua-dua dialek Melanau hampir tidak berperanan dalam interaksi dengan guru yang berlainan bangsa.

Seterusnya terdapat juga, 5 responden (10.4%) yang menggunakan gabungan tiga bahasa (DMB + DMM + DMS) dalam perbualan dengan guru berlainan bangsa. Walaupun jumlahnya tidak besar, fenomena ini tetap menunjukkan adanya campuran kod (code-mixing) yang berlaku dalam komunikasi antara etnik, meskipun dominasi utama tetap dipegang oleh BM.

Jadual 11*Bahasa yang digunakan ketika melakukan aktiviti di luar kelas*

Pilihan Bahasa	Bilangan	Peratus (%)
Dialek Melanau Balingian (DMB)	4	8.3
Dialek Melanau Mukah (DMM)	10	20.8
Bahasa Melayu (BM)	10	20.8
Dialek Melayu Sarawak (DMS)	5	10.4
DMB + DMM	3	6.3
DMB + DMS	1	2.1
DMB + DMM + DMS	15	31.3
Jumlah	48	100.0

Berdasarkan Jadual 11, dapatan menunjukkan bahawa bahasa paling banyak digunakan ketika melakukan aktiviti di luar kelas ialah gabungan tiga bahasa (DMB + DMM + DMS) dengan 15 responden (31.3%). Fenomena ini jelas menunjukkan bahawa campuran kod (code-mixing) merupakan strategi komunikasi utama dalam domain ini, iaitu pelajar menggabungkan pelbagai dialek Melanau dan dialek Melayu Sarawak dalam perbualan harian.

Selain itu, penggunaan bahasa Melayu (BM) dan dialek Melanau Mukah (DMM) mencatatkan jumlah yang sama, iaitu 10 responden (20.8%) bagi setiap bahasa. Hal ini menunjukkan bahawa kedua-duanya sama-sama penting dalam komunikasi luar kelas, dengan BM berfungsi sebagai bahasa

kebangsaan yang lebih formal, manakala DMM pula berfungsi sebagai dialek tempatan yang mudah difahami dalam kalangan komuniti sebangsa.

Penggunaan dialek Melanau Balingian (DMB) pula direkodkan oleh 4 responden (8.3%), yang jauh lebih rendah berbanding DMM. Dapatan ini sekali lagi mengesahkan bahawa kedudukan DMB semakin terpinggir dalam kalangan generasi muda, termasuk dalam konteks tidak formal seperti aktiviti luar kelas.

Selain itu, dialek Melayu Sarawak (DMS) digunakan oleh 5 responden (10.4%), manakala campuran lain seperti DMB + DMM (6.3%) dan DMB + DMS (2.1%) menunjukkan bahawa responden sentiasa mengamalkan fleksibiliti linguistik bergantung kepada situasi dan pasangan tutur.

Analisis ini memperlihatkan bahawa komunikasi luar kelas bersifat multilingual, dengan gabungan bahasa menjadi pilihan utama. Walaupun BM dan DMM tetap penting, peranan DMB sangat kecil, manakala campuran kod semakin menjadi norma dalam interaksi harian. Hal ini menggambarkan bahawa generasi muda lebih cenderung menggunakan pelbagai bahasa secara berselang-seli, sekali gus menegaskan lagi pola peralihan bahasa (language shift) daripada DMB kepada DMM dan BM.

Secara keseluruhan, pemilihan bahasa masyarakat Melanau Balingian dalam domain pendidikan menunjukkan bahawa mereka menyesuaikan bahasa mengikut konteks sosial dan akademik. Bahasa ibunda digunakan dalam komunikasi santai untuk mengekalkan identiti budaya, manakala Bahasa Melayu digunakan secara meluas dalam komunikasi rasmi dan antara etnik. Corak ini mencerminkan peranan ganda bahasa dalam pendidikan, di mana bahasa ibunda mengekalkan identiti linguistik, manakala bahasa Melayu memastikan kefahaman dan keseragaman komunikasi di sekolah.

Domain Kejiranan

Jadual 12

Bahasa yang digunakan ketika bercakap dengan jiran berlainan bangsa

Pilihan Bahasa	Bilangan	Peratus (%)
Dialek Melanau Balingian (DMB)	2	4.2
Dialek Melanau Mukah (DMM)	4	8.3
Bahasa Melayu (BM)	15	31.3
Dialek Melayu Sarawak (DMS)	16	33.3
DMB + DMM	1	2.1
DMB + DMS	2	4.2
DMB + DMM + DMS	8	16.7
Jumlah	48	100.0

Dalam domain kejiranan, pemilihan bahasa memperlihatkan variasi yang dipengaruhi oleh jenis jiran dan konteks interaksi. Dapatan menunjukkan bahawa dialek Melayu Sarawak (DMS) merupakan bahasa paling banyak digunakan oleh responden ketika bercakap dengan jiran berlainan bangsa, iaitu seramai 16 responden (33.3%), diikuti rapat oleh bahasa Melayu (BM) dengan 15 responden (31.3%). Hal ini memperlihatkan bahawa kedua-dua bahasa tersebut berfungsi sebagai bahasa penghubung interetnik. BM menjadi pilihan kerana statusnya sebagai bahasa kebangsaan, manakala DMS pula berfungsi sebagai bahasa pasar di Sarawak yang mudah difahami oleh pelbagai etnik.

Sementara itu, penggunaan DMM (8.3%) dan DMB (4.2%) adalah sangat kecil, menunjukkan bahawa kedua-dua dialek Melanau tidak mempunyai peranan besar dalam komunikasi dengan jiran bukan sebangsa. Kehadiran gabungan DMB + DMM + DMS (16.7%) menandakan wujudnya fenomena campuran kod dalam interaksi sosial antara etnik, meskipun dominasi tetap berpihak kepada BM dan DMS. Implikasinya, BM dan DMS memperkukuh kedudukan mereka sebagai medium interaksi antara etnik, sementara DMB semakin terhad fungsinya kepada domain intra-etnik sahaja.

Jadual 13*Bahasa yang digunakan ketika bercakap dengan jiran yang lebih tua*

Pilihan Bahasa	Bilangan (n)	Peratus (%)
Dialek Melanau Balingian (DMB)	13	27.1
Dialek Melanau Mukah (DMM)	13	27.1
Bahasa Melayu (BM)	3	6.3
Dialek Melayu Sarawak (DMS)	6	12.5
DMB + DMM	4	8.3
DMB + DMM + DMS	9	18.8
Jumlah	48	100.0

Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan dialek Melanau Balingian (DMB) (27.1%) dan dialek Melanau Mukah (DMM) (27.1%) adalah seimbang ketika responden bercakap dengan jiran yang lebih tua. Hal ini menarik kerana memperlihatkan bahawa generasi tua masih cenderung menggunakan DMB, menyebabkan sebahagian responden menyesuaikan diri dengan dialek tersebut untuk mengekalkan kefahaman dan menunjukkan rasa hormat. Dalam masa yang sama, DMM tetap digunakan dalam kadar yang sama, menandakan bahawa pengaruh DMM sebagai dialek dominan dalam masyarakat setempat begitu kuat sehingga turut digunakan dalam komunikasi dengan generasi lama.

Bahasa lain seperti bahasa Melayu (BM) (6.3%) dan dialek Melayu Sarawak (DMS) (12.5%) hanya memainkan peranan kecil. BM lebih banyak digunakan dalam domain rasmi dan pendidikan, justeru penggunaannya dengan jiran tua adalah terbatas. DMS pula digunakan apabila interaksi melibatkan penutur daripada latar yang lebih heterogen atau ketika wujud keperluan untuk memudahkan komunikasi rentas etnik.

Namun, yang lebih signifikan ialah penggunaan gabungan tiga bahasa (DMB + DMM + DMS) sebanyak 18.8%, yang membuktikan bahawa interaksi dengan jiran tua sering melibatkan penyesuaian linguistik yang fleksibel (*linguistic accommodation*). Fenomena ini berlaku apabila responden menyesuaikan bentuk bahasa mereka bergantung pada latar jiran, tahap kefasihan, serta konteks perbualan. Campuran bahasa ini juga boleh dijelaskan melalui faktor multilingualisme aktif dalam kalangan komuniti Melanau Balingian, iaitu penutur tidak hanya bergantung kepada satu bahasa tetapi menggabungkan beberapa kod untuk memastikan mesej lebih mudah difahami.

Jadual 14*Bahasa yang digunakan ketika bercakap dengan jiran yang lebih muda*

Pilihan Bahasa	Bilangan (n)	Peratus (%)
Dialek Melanau Balingian (DMB)	10	20.8
Dialek Melanau Mukah (DMM)	16	33.3
Bahasa Melayu (BM)	2	4.2
Dialek Melayu Sarawak (DMS)	5	10.4
DMB + DMM	6	12.5
DMB + DMM + DMS	9	18.8
Jumlah	48	100.0

Dapatan menunjukkan bahawa ketika berinteraksi dengan jiran yang lebih muda, Dialek Melanau Mukah (DMM) mencatatkan penggunaan tertinggi, iaitu 16 responden (33.3%), berbanding hanya 10 orang responden (20.8%) yang menggunakan Dialek Melanau Balingian (DMB). Hal ini membuktikan bahawa generasi muda lebih cenderung kepada DMM sebagai bahasa komunikasi harian, sementara DMB semakin berkurangan penggunaannya. Faktor ini boleh dijelaskan melalui pengaruh generasi iaitu anak-anak muda lebih terdedah kepada penggunaan DMM dalam pelbagai domain sosial, termasuk sekolah, media, dan pergaulan harian.

Bahasa lain seperti Bahasa Melayu (BM) (4.2%) dan Dialek Melayu Sarawak (DMS) (10.4%) hanya memainkan peranan kecil. BM kekal sebagai bahasa rasmi, tetapi jarang digunakan dalam interaksi santai dengan jiran muda kerana lebih formal sifatnya. DMS pula digunakan dalam situasi tertentu, contohnya apabila interaksi melibatkan jiran yang berlatar belakang etnik bercampur atau untuk menyesuaikan diri dalam suasana komunikasi lebih luas.

Lebih penting, dapatan juga menunjukkan bahawa gabungan bahasa digunakan secara signifikan, iaitu DMB + DMM (12.5%) dan DMB + DMM + DMS (18.8%), menjadikan jumlah campuran kod sebanyak 31.3 peratus. Hal ini menandakan bahawa strategi campuran kod (code-mixing) menjadi kebiasaan generasi muda yang mengutamakan kelancaran dan keselesaan komunikasi berbanding mengekalkan kesetiaan kepada satu bahasa.

Penggunaan DMM secara dominan dalam kalangan jiran muda juga boleh dikaitkan dengan faktor gaya hidup. Generasi muda lebih banyak berinteraksi melalui media sosial, sekolah, dan aktiviti luar yang cenderung memperkukuh penggunaan DMM sebagai bahasa seharian. Di samping itu, pengaruh rakan sebaya turut memainkan peranan penting kerana bahasa yang digunakan oleh majoriti kelompok rakan sebaya akan membentuk norma linguistik yang diikuti oleh semua. Oleh itu, DMM semakin kukuh sebagai bahasa identiti generasi muda, manakala DMB semakin terpinggir.

Jadual 15

Bahasa utama yang digunakan dalam aktiviti keagamaan

Pilihan Bahasa	Bilangan	Peratus (%)
Dialek Melanau Balingian (DMB)	3	6.3
Dialek Melanau Mukah (DMM)	7	14.6
Bahasa Melayu (BM)	21	43.8
Dialek Melayu Sarawak (DMS)	3	6.3
DMB + DMM	3	6.3
DMB + DMS	1	2.1
DMB + DMM + DMS	10	20.8
Jumlah	48	100.0

Dapatan menunjukkan bahawa bahasa Melayu (BM) (43.8%) merupakan bahasa paling dominan dalam aktiviti keagamaan, sejajar dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi agama Islam di Malaysia. Hal ini memperlihatkan bahawa domain agama berfungsi sebagai salah satu mekanisme yang memperkukuh penggunaan BM, sekali gus mengurangkan peranan dialek Melanau dalam konteks keagamaan. BM digunakan secara meluas dalam bacaan doa, khutbah, pengajaran agama, dan amalan ritual, menjadikannya pilihan yang lebih formal, standard, dan seragam.

Sebaliknya, penggunaan dialek Melanau Mukah (DMM) (14.6%) dan dialek Melanau Balingian (DMB) (6.3%) adalah jauh lebih rendah. Hal ini boleh dikaitkan dengan faktor formaliti dan status. Aktiviti keagamaan dianggap sebagai domain rasmi yang menuntut keseragaman dan penggunaan bahasa yang diiktiraf secara nasional, iaitu BM. Justeru, walaupun DMB dan DMM masih hidup dalam komunikasi harian, kedua-duanya jarang digunakan dalam amalan keagamaan kerana dianggap kurang sesuai untuk menyampaikan ajaran dan ritual ibadah yang berautoriti.

Namun begitu, terdapat juga penggunaan percampuran kod (29.2%), dengan gabungan DMB + DMM + DMS (20.8%) mencatatkan angka yang agak tinggi. Fenomena ini boleh dijelaskan melalui konteks sosial aktiviti agama, di mana komunikasi tidak hanya terbatas kepada ibadah formal, tetapi juga melibatkan interaksi sosial sebelum dan selepas majlis keagamaan. Dalam konteks ini, penutur sering menggabungkan dialek Melanau dengan DMS untuk menyesuaikan diri dengan latar sosial peserta majlis.

Analisis ini jelas menunjukkan bahawa fungsi agama secara tidak langsung mempercepat proses peralihan bahasa daripada DMB kepada BM. Keperluan untuk menggunakan bahasa yang formal, seragam, dan mempunyai nilai keagamaan menjadikan BM sebagai pilihan utama, manakala DMB semakin tersisih. Dalam erti kata lain, agama memperkukuh BM sebagai bahasa utama dan

identiti keagamaan umat Islam, manakala DMB kekal sebagai dialek tempatan yang penggunaannya lebih terhad kepada ranah sosial dan budaya.

Jadual 16

Bahasa yang digunakan dalam ceramah agama

Pilihan Bahasa	Bilangan (n)	Peratus (%)
Dialek Melanau Balingian (DMB)	0	0.0
Dialek Melanau Mukah (DMM)	4	8.3
Bahasa Melayu (BM)	36	75.0
Dialek Melayu Sarawak (DMS)	2	4.2
DMB + DMM	1	2.1
DMB + DMM + DMS	5	10.4
Jumlah	48	100.0

Dapatan menunjukkan bahawa bahasa Melayu (BM) (75%) merupakan bahasa yang paling dominan dalam ceramah agama. Hal ini sejajar dengan peranan BM sebagai bahasa penyampaian ilmu agama di Malaysia. Ceramah agama dianggap sebagai wadah rasmi penyebaran ilmu Islam, maka penggunaan BM menjadi pilihan utama kerana sifatnya yang lebih formal, mudah difahami secara meluas, serta mempunyai kedudukan yang sah sebagai bahasa kebangsaan. Penggunaan BM dalam ceramah agama juga menandakan pengaruh pendidikan Islam formal, kerana pengajian agama di sekolah dan institusi pengajian tinggi turut menggunakan BM sebagai bahasa pengantar.

Sebaliknya, dialek Melanau Mukah (DMM) hanya mencatatkan 8.3 peratus, manakala Dialek Melanau Balingian (DMB) tidak digunakan langsung (0%). Hal ini menggambarkan bahawa kedua-dua dialek Melanau tidak mempunyai peranan yang signifikan dalam penyampaian ilmu agama secara rasmi. Faktor utamanya ialah ceramah agama dianggap sebagai platform yang memerlukan keseragaman dan autoriti bahasa, justeru dialek tempatan kurang sesuai kerana dianggap bersifat terlalu santai, tidak standard, dan mungkin menghadkan kefahaman khalayak yang lebih luas.

Penggunaan dialek Melayu Sarawak (DMS) (4.2%) adalah kecil, tetapi wujud kerana kadangkala digunakan oleh penceramah untuk menarik perhatian audiens tempatan atau mencipta suasana mesra. Walau bagaimanapun, penggunaannya tetap terhad kerana ceramah lebih menekankan nilai rasmi dan penyampaian berautoriti.

Selain itu, terdapat juga fenomena campuran kod (12.5%), termasuk DMB + DMM + DMS (10.4%). Fenomena ini mungkin berlaku apabila penceramah atau peserta mencampurkan dialek tempatan dalam sesi soal jawab, selingan humor, atau penjelasan yang bersifat tidak formal. Walau bagaimanapun, BM tetap dominan sepanjang ceramah kerana dianggap lebih sesuai untuk menyampaikan mesej agama yang serius dan berautoriti.

Jadual 17

Bahasa yang digunakan ketika berdoa sendiri

Pilihan Bahasa	Bilangan	Peratus (%)
Dialek Melanau Balingian (DMB)	3	6.3
Dialek Melanau Mukah (DMM)	8	16.7
Bahasa Melayu (BM)	36	75.0
DMB + DMM + DMS	1	2.1
Jumlah	48	100.0

Dapatan menunjukkan bahawa ketika berdoa secara individu, bahasa Melayu (BM) mencatatkan peratusan paling tinggi iaitu 75 peratus. Hal ini selaras dengan kedudukan BM sebagai bahasa utama bagi agama Islam di Malaysia. Doa merupakan amalan yang bersifat peribadi tetapi tetap dipengaruhi oleh penggunaan bahasa ibadah formal yang diamalkan secara konsisten dalam solat,

majlis agama, dan pengajaran di sekolah. Justeru, responden lebih cenderung menggunakan BM kerana mereka telah terbiasa mendengar dan menghafal doa dalam bahasa tersebut sejak kecil.

Sebaliknya, penggunaan dialek Melanau Mukah (DMM) hanya 16.7% dan dialek Melanau Balingian (DMB) 6.3 peratus menunjukkan bahawa kedua-dua dialek ini semakin hilang fungsinya dalam amalan rohani. Faktor utamanya adalah pengaruh standardisasi agama, di mana bahasa rasmi lebih diutamakan kerana dianggap lebih suci, sesuai, dan bersifat universal. Walaupun DMB dan DMM masih hidup dalam komunikasi sosial, penggunaannya dalam doa peribadi dianggap kurang formal dan tidak mencerminkan keseragaman ibadah.

Hanya seorang responden (2.1%) menggunakan gabungan kod (DMB + DMM + DMS) ketika berdoa sendiri. Walaupun jumlahnya kecil, fenomena ini menunjukkan adanya fleksibiliti rohani, di mana penutur mencampuradukkan bahasa mengikut tahap kefasihan, keintiman rohani, dan kebiasaan harian mereka. Campuran kod dalam doa juga boleh dianggap sebagai strategi penyelesaian, yang mana menunjukkan individu berasa lebih dekat dengan tuhan apabila menggunakan bahasa atau dialek yang paling akrab dengan diri mereka.

Analisis ini memperlihatkan bahawa doa peribadi walaupun bersifat intim dan fleksibel, masih dipengaruhi secara kuat oleh pengajaran agama formal yang menekankan BM sebagai bahasa utama. Oleh itu, BM bukan sahaja mendominasi domain agama formal seperti ceramah atau khutbah, tetapi turut menjadi pilihan utama dalam amalan rohani individu. Hal ini sekali lagi mengukuhkan kedudukan BM sebagai bahasa ritual dan spiritual, manakala DMB semakin hilang peranannya dalam dimensi keagamaan.

Jadual 18

Bahasa yang digunakan ketika berbual dalam majlis keagamaan

Pilihan Bahasa	Bilangan (n)	Peratus (%)
Dialek Melanau Balingian (DMB)	2	4.2
Dialek Melanau Mukah (DMM)	9	18.8
Bahasa Melayu (BM)	20	41.7
Dialek Melayu Sarawak (DMS)	4	8.3
DMB + DMM	1	2.1
DMB + DMS	1	2.1
DMB + DMM + DMS	11	22.9
Jumlah	48	100.0

Dapatan menunjukkan bahawa Bahasa Melayu (BM) digunakan oleh 20 responden (41.7%), menjadikannya bahasa paling dominan ketika berbual dalam majlis keagamaan. Hal ini tidak menghairankan kerana majlis agama biasanya dikaitkan dengan nilai formaliti, keseragaman, dan autoriti agama. BM sering menjadi bahasa pilihan kerana ia merupakan bahasa pengajaran agama rasmi serta lebih mudah difahami oleh khalayak majlis yang berbilang latar.

Namun begitu, penggunaan dialek Melanau Mukah (DMM) sebanyak 18.8 peratus dan dialek Melanau Balingian (DMB) sebanyak 4.2 peratus menunjukkan bahawa masih ada ruang untuk dialek tempatan dalam komunikasi yang lebih santai atau ketika berbual dengan individu sebangsa di dalam majlis tersebut. Dialek Melayu Sarawak (DMS) (8.3%) juga wujud kerana sifatnya yang inklusif dan sering digunakan dalam interaksi rentas etnik, terutamanya di Sarawak.

Lebih menarik ialah kehadiran gabungan tiga bahasa (DMB + DMM + DMS) sebanyak 22.9 peratus, yang menunjukkan bahawa majlis agama bukan sekadar ruang ritual, tetapi juga ruang sosial yang membenarkan percampuran kod (code-mixing). Dalam suasana majlis, audiens biasanya terdiri daripada pelbagai generasi dan latar bahasa, maka penutur cenderung menyesuaikan diri secara linguistik (linguistic accommodation) dengan mencampurkan beberapa bahasa untuk memastikan komunikasi lebih inklusif.

Faktor percampuran sosial dalam majlis agama juga mendorong variasi bahasa. Ketika bahagian ritual berlangsung, BM lebih dominan, tetapi dalam interaksi santai selepas majlis, responden lebih fleksibel menggunakan DMM, DMB, atau campuran kod. Hal ini menunjukkan adanya keseimbangan antara formaliti dan santai: BM sebagai bahasa ibadah formal, manakala dialek Melanau digunakan dalam ruang sosial majlis yang lebih mesra dan peribadi.

Jadual 19

Bahasa yang digunakan ketika majlis kematian

Pilihan Bahasa	Bilangan (n)	Peratus (%)
Dialek Melanau Balingian (DMB)	10	20.8
Dialek Melanau Mukah (DMM)	11	22.9
Bahasa Melayu (BM)	11	22.9
Dialek Melayu Sarawak (DMS)	1	2.1
DMB + DMM	5	10.4
DMB + DMS	1	2.1
DMB + DMM + DMS	9	18.8
Jumlah	48	100.0

Dapatan menunjukkan bahawa dalam majlis kematian, penggunaan bahasa lebih seimbang dan pelbagai. Dialek Melanau Mukah (DMM) dan Bahasa Melayu (BM) masing-masing mencatatkan 11 responden (22.9%), manakala dialek Melanau Balingian (DMB) digunakan oleh 10 responden (20.8%). Hal ini memperlihatkan bahawa majlis kematian merupakan salah satu domain yang memperlihatkan tidak ada satu bahasa tunggal yang benar-benar mendominasi, sebaliknya wujud kepelbagaian linguistik yang mencerminkan sifat majlis itu sendiri.

Faktor budaya dan tradisi memperlihatkan DMB masih digunakan dalam kadar yang signifikan (20.8%). Majlis kematian bukan sekadar ritual keagamaan, tetapi juga merupakan upacara sosial dan budaya yang menghubungkan masyarakat dengan identiti warisan mereka. Oleh sebab itu, sesetengah responden tetap memilih menggunakan DMB untuk mengekalkan hubungan dengan tradisi Melanau yang diwarisi daripada generasi terdahulu.

Penggunaan BM (22.9%) pula menandakan bahawa aspek keagamaan dalam majlis kematian sangat berpengaruh. BM digunakan dalam bacaan doa, tahlil, dan ucapan rasmi, selaras dengan kedudukannya sebagai bahasa formal dalam pengajaran agama. DMM yang sama tinggi penggunaannya (22.9%) memperlihatkan peranannya sebagai dialek tempatan dominan yang lebih biasa digunakan dalam komunikasi sosial masyarakat Melanau hari ini.

Selain itu, campuran kod mencatatkan jumlah yang tinggi (31.3%), terdiri daripada DMB + DMM (10.4%), DMB + DMS (2.1%), dan DMB + DMM + DMS (18.8%). Fenomena ini menunjukkan bahawa majlis kematian menjadi ruang ritual kolektif, di mana pelbagai generasi dan kelompok masyarakat hadir. Campuran kod berlaku kerana penutur cuba menyesuaikan bahasa mereka dengan pelbagai lapisan audiens sama ada ahli keluarga, jiran, atau tetamu luar komuniti.

Jadual 20

Bahasa yang digunakan untuk menyebut alatan keagamaan

Pilihan Bahasa	Bilangan (n)	Peratus (%)
Dialek Melanau Balingian (DMB)	6	12.5
Dialek Melanau Mukah (DMM)	10	20.8
Bahasa Melayu (BM)	23	47.9
Dialek Melayu Sarawak (DMS)	1	2.1
DMB + DMM	2	4.2
DMB + DMS	1	2.1
DMB + DMM + DMS	6	12.5
Jumlah	48	100.0

Dapatan menunjukkan bahawa ketika menyebut alatan keagamaan, bahasa Melayu (BM) digunakan oleh 23 responden (47.9%), menjadikannya bahasa paling dominan. Keadaan ini dapat dijelaskan melalui faktor standardisasi istilah agama, di mana hampir semua istilah berkaitan peralatan ibadah Islam seperti sejadah, tasbih, surah Yasin, rehal, dan sebagainya dipopularkan dalam BM melalui pendidikan formal, teks agama, dan amalan ibadan. Hal ini menyebabkan BM menjadi bahasa utama rujukan bagi penyebutan alatan agama, sekali gus memperkukuh kedudukannya sebagai bahasa formal.

Sementara itu, dialek Melanau Mukah (DMM) mencatatkan 20.8 peratus dan dialek Melanau Balingian (DMB) 12.5 peratus. Kedua-duanya menunjukkan bahawa masih terdapat kelompok masyarakat yang memilih untuk menyebut alatan keagamaan dalam dialek tempatan. Walau bagaimanapun, penggunaannya semakin mengecil kerana istilah keagamaan yang formal jarang diterjemahkan atau disesuaikan dalam dialek Melanau. Hal ini menyebabkan DMM dan lebih-lebih lagi DMB tidak menjadi rujukan utama bagi istilah agama.

Penggunaan dialek Melayu Sarawak (DMS) hanya 2.1 peratus, menandakan fungsinya sangat kecil dalam konteks ritual. Namun, kehadiran campuran kod seperti DMB + DMM (4.2%), DMB + DMS (2.1%), dan DMB + DMM + DMS (12.5%) membuktikan bahawa terdapat usaha penutur untuk mengekalkan dialek tempatan dalam komunikasi agama, walaupun bercampur dengan BM atau DMS. Fenomena ini memperlihatkan adanya fleksibiliti linguistik, namun dominasi BM tetap tidak dapat diketepikan.

Analisis ini memperlihatkan bahawa fungsi ibadah dalam Islam memperkukuh BM sebagai bahasa utama untuk menyebut alatan keagamaan, kerana bahasa ini dianggap lebih standard, seragam, dan mudah difahami. Sebaliknya, dialek Melanau semakin terpinggir kerana tidak mempunyai padanan istilah yang mantap dan jarang digunakan dalam pendidikan agama. Walaupun terdapat sedikit penggunaan DMB dan DMM dalam konteks ini, peranannya lebih bersifat simbolik dan hanya wujud dalam kalangan penutur yang ingin mengekalkan identiti linguistik tempatan.

Dapatan ini membuktikan bahawa dalam domain agama, khususnya yang berkaitan dengan amalan dan peralatan ibadah, BM menguasai sepenuhnya peranan sebagai bahasa standard agama Islam, manakala dialek Melanau semakin kecil fungsinya. Fenomena ini menegaskan bahawa agama menjadi faktor utama peminggiran dialek Melanau Balingian, kerana bahasa yang standard lebih diutamakan berbanding dialek tempatan.

Secara keseluruhan, analisis domain keagamaan memperlihatkan bahawa bahasa Melayu mendominasi sepenuhnya aktiviti formal keagamaan (dalam doa dan ceramah), manakala bahasa Melanau hanya mendapat tempat dalam upacara tertentu seperti majlis kematian dan istilah keagamaan. Fenomena ini dipengaruhi oleh faktor status institusi bahasa Melayu, fungsi lingua franca dialek Melayu Sarawak, serta adat dan upacara komuniti yang masih membuka ruang kepada bahasa etnik. Dalam masa yang sama, wujud juga persaingan intraetnik antara Melanau Mukah dan Melanau Balingian, dengan Mukah dilihat lebih berprestij.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapatan kajian memperlihatkan wujud pola peralihan bahasa yang jelas dalam kalangan komuniti Melanau Balingian, khususnya generasi muda. Dialek Melanau Mukah (DMM) kini lebih dominan berbanding Dialek Melanau Balingian (DMB) dalam pelbagai domain utama seperti kekeluargaan, kejranaan, dan sebahagian amalan keagamaan.

Dalam domain rasmi seperti pendidikan dan urusan agama formal, bahasa Melayu (BM) mengambil alih peranan utama, selari dengan statusnya sebagai bahasa kebangsaan. Penggunaan DMB didapati semakin terhad kepada komunikasi dengan generasi tua dan dalam konteks upacara tradisi tertentu sahaja. Dialek Melanau Mukah juga sedang mengambil alih fungsi DMB dalam komunikasi harian, manakala BM mengukuhkan kedudukannya dalam domain rasmi. Fenomena ini menunjukkan DMB semakin terpinggir dan berisiko mengalami kepupusan jika tiada usaha pemeliharaan yang serius diambil.

Dari segi teori, dapatan ini menyokong Model Domain Fishman (1972) yang menjelaskan bahawa pilihan bahasa bergantung kepada peserta, topik, dan konteks. Kehilangan fungsi DMB dalam domain utama seperti pendidikan dan agama menunjukkan berlakunya penyempitan domain yang mempercepatkan proses peralihan bahasa ke arah DMM dan BM.

Secara ringkas, kajian ini menegaskan bahawa Dialek Melanau Balingian (DMB) semakin terancam dan memerlukan tindakan pemeliharaan segera agar warisan linguistik masyarakat Melanau Balingian tidak pupus ditelan arus perubahan bahasa dan globalisasi. Bagi kajian akan datang, beberapa cadangan wajar dipertimbangkan, antaranya penelitian sikap bahasa (language attitude) dalam kalangan generasi muda bagi memahami faktor afektif yang mempengaruhi pemilihan bahasa, serta kajian intergenerasi untuk menilai kesinambungan penggunaan DMB antara generasi tua, pertengahan, dan muda. Dengan pelaksanaan kajian lanjutan ini, diharapkan dapat memperkukuh pemahaman terhadap proses peralihan bahasa dalam komuniti minoriti di Sarawak serta menjadi asas kepada dasar linguistik dan budaya yang menyokong kelestarian bahasa tempatan.

Rujukan

- Awang Azman Awang Pawi (2020) *Penyatuan Hubungan Etnik melalui Bahasa Kebangsaan Model Sarawak dalam Agenda Bahasa*. Dewan Bahasa. DBP (Oktober 2020)
- Berawati Renddan, Adi Yasran Abdul Aziz, Hasnah Mohamad & Sharil Nizam Sha'ri (2020) Domain dan Bahasa Pilihan Tiga Generasi Etnik Bajau Sama Kota Belud. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 5, Issue 7, 96-107.
- Chong Shin, and Hendrikus Mangku, and James T. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 18 (4). pp. 61-80. ISSN 1675-8021
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (4th ed.)*. SAGE Publications.
- David, M. K., & Dealwis, C. (2008). Language use in the domain of neighbourhood: The case of the Bidayuh in Sarawak. *SEAMEO Regional Language Centre Journal*, 39(2), 195–211.
- Department of Statistics Malaysia. (2021). *Key findings: Population by ethnic group, Malaysia Population and Housing Census 2020*
- Department of Statistics Malaysia. (2024). *Demographic Statistics Malaysia, Fourth Quarter 2024*.
- Dilah Tuah, A., Zuraidah Mohd Don, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2021). Pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat dwibahasa di Malaysia. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 21(3), 45–60.
- Gill, S. K. (2014). *Language policy challenges in multi-ethnic Malaysia*. Springer
- Fishman, J. A. (1972). *The sociology of language: An interdisciplinary social science approach to language in society*. Rowley, MA: Newbury House.
- Fishman, J. A. (1991). *Reversing language shift: Theoretical and empirical foundations of assistance to threatened languages*. Clevedon, England: Multilingual Matters.
- Holmes, J. (2013). *An introduction to sociolinguistics (4th ed.)*. London: Routledge.
- Jeniri Amir. (2015). *Etnik Melanau: Asal usul dan perkembangannya*. Universiti Malaysia Sarawak Press.
- Jeniri Amir. (2015). Masyarakat Melanau di Sarawak. Institut Terjemahan & Buku Malaysia, Kuala Lumpur
- Neuman, W. L. (2014). Social research methods: Qualitative and quantitative approaches (7th ed.). Pearson.
- Norfazila Ab. Hamid, and Wan Robiah Meor Osman, and Norhasliza Ramli, and Raj Ali Zahid Elly, (2023) Inventori fonem vokal dan diftong varian Melanau Balingian di Sarawak. *Jurnal Melayu*, 22 (2). pp. 71-83. ISSN 1675-7513
- Nurul Syahirah Batjo & Mohammed Azlan Mis. (2022). Pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Melanau Mukah. *Jurnal Wacana Sarjana*. Volume 6(4) September 2022: 1-15; e-ISSN2600-9501.
- Noriah Mohamed. (2008). *Language choice and identity among minority speakers in Malaysia*. *Kajian Malaysia*, 26(1–2), 1–20.
- Mohammed Azlan Mis (2011). Pilihan Bahasa Oleh Suku Kaum Melanau Di Negeri Sarawak. *Jurnal Linguistik*. Vol 14 No 1 (2011)
- Khairul Ashraaf Saari & Harishon Radzi. (2023). Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Peserta Latihan dan Dakwah Orang Asli, Kok Lanas Berdasarkan Tiga Domain. *Jurnal Linguistik*. Vol 27 (1) Mei 2023 (129-139)
- Muhammad Danial Danish Yusman & Noor Saadah Salleh (2024) Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Generasi Muda Masyarakat Jawa di Kampung Seri Tiram Jaya, Selangor. *Jurnal Linguistik*. Vol 28 (2) November 2024 (090-103)
- Saidatul Nornis Hj. Mahali, Aishah Tamby Omar & Wong Mee Mee (2022) Domain dan Pemilihan Bahasa Generasi Muda Murut di Daerah Keningau, Sabah. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Volume 22(3), August 2022 <http://doi.org/10.17576/gema-2022-2203-07>

- Ting, S. H., & Campbell, Y. M. (2017). Language use and identity among the Melanau in Sarawak, Malaysia. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, 24(1), 1–24.
- Ting, S. H., & Ling, T. H. (2013). Language shift among the Melanau in Sarawak, Malaysia. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 34(2), 136–151.
- Weinreich, U. (1970). *Languages in contact: Findings and problems*. The Hague: Mouton.

Biodata Penulis:

Dr. Noor Saadah Salleh merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Bidang kepakaran beliau ialah Sosiolinguistik, Psikolinguistik, dan Etnolinguistik.

Dr. Nur Faaziah Md Adam merupakan pensyarah kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Bidang pengkhususan beliau ialah Linguistik Melayu yang berfokus kepada Sosiolinguistik dan Kemahiran Jawi.

Zuraidah Jantan merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Shah Alam. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sains Sosial (Linguistik) serta Ijazah Sarjana Muda Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan (Linguistik) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah linguistik Melayu, khususnya fonetik, fonologi, semantik dan penterjemahan.